

SINGAPURA, 23 NOV (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU NEGARA—NEGARA YANG SEBELUM INI, MENARUH PERHATIAN BERAT+ TERHADAP ORANG—ORANG VIETNAM SUPAYA BERTINDAK LEBIH BERTANGGUNGJAWAB MENERIMA ORANG +PELARIAN+ VIETNAM.

BELIAU YANG ENGGAN MENYEBUT NAMA NEGARA—NEGARA BERKENAAN BAGAIMANAPUN MENAMBAH MEREKA JANGANLAH +HANYA PANDAI BERCAKAP+ SAHAJA TETAPI BERTINDAK LEBIH BERTANGGUNGJAWAB DENGAN MENERIMA ORANG +PELARIAN+ ITU KERANA MASALAH MEREKA BUKANLAH BUATAN MALAYSIA. BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS BERUCAP DI SEMINAR MENGENAI PERANAN PERUSAHAAN KECIL DALAM EKONOMI NEGARA ASEAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGECEM NEGARA—NEGARA TERSEBUT KERANA MENERIMA HANYA ORANG +PELARIAN+ YANG TERPILIH.+

+MEREKA MENGAMBIL ORANG—ORANG PROFESSIONAL SEPERTI DOKTOR DAN GOLONGAN LAIN DAN MEN NGGALKAN BAKINYA KEPADA KITA.+

SEBALIKNYA MALAYSIA TIDAK PUNYA PILIHAN TERHADAP JENIS +PELARIAN+ YANG MENDARAT DI PANTAINYA. — BERSAMBUNG 1622/YF

## PELARIAN—MAHATHIR 2 SINGAPURA

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN KEMASUKAN +PELARIAN+ ITU MENIMBULKAN MASALAH BERAT KEPADA NEGARA INI.

KIRA—KIRA EMPAT BULAN LALU HANSA KIRA—KIRA 4,000 ORANG MENDARAT TETAPI SEFARANG MEWINGKAT KEPADA LEBIH 37,000 ORANG.

IA BUKAN SAHAJA MEMBEBAKAN BELANJA, TAMBAHNYA, TETAPI RAKYAT TEMPATAN MULA MERASAKAN TIDAK PUAS HATI BAHAWA MEREKA SENDIRI TELAH TIDAK DIPEDULIKAN KERANA MEMBERI PERHATIAN KEPADA ORANG— +PELARIAN+ ITU.

BELIAU MENEGASKAN PERTENTANGAN SOSIAL MUNGKIN BERLAKU JIKA +PELARIAN+ ITU MENINGGALKAN PULAU—PULAU YANG DITEMPATKAN SEKARANG DAN BERGAUL DENGAN PENDUDUK TEMPATAN.

ORANG VIETNAM ITU ADA DI ANTARANYA MENUKAR DOLLAR AMERIKA DENGAN RINGGIT KERANA ITU MENGAKIBATKAN INFLASI DAN KEMARAHAN DI KALANGAN PENDUDUK TEMPATAN, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR TIDAK MENOLAK KEMUNGKINAN ANASIR—ANASIR SABVERSIF MENYUSUP DI KALANGAN ORANG +PELARIAN+ ITU.

BAGAIMANAPUN SEGALA LANGKAH AKAN DIAMBIL BAGI MENCEGAH PERKARA ITU DARIPADA BERLAKS, KATANYA.

BELIAU JUGA BERKATA MALAYSIA BERSIKAP TEGAS BILA +KAMI MENYATAKAN AKAN MENCEGAH MEREKA DARIPADA DATANG+ TETAPI MENGAKU ADALAH SUKAR BERBUAT DEMIKIAN KERANA KAWASAN PANTAI NEGARA INI LUAS. —

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERTIMBANGAN PERI KEMANUSIAAN DI SAMPING MEMANGLAH LERLU DIBERI PERTIMBANGAN POLITIK.

+KAMI TIDAK SANGGUP MELIHAT MEREKA TENGGELAM DENGAN BOT—BOT MEREKA,+ KATANYA.

DITANYA SAMADA MASALAH ITU DIBINCANGKAN DENGAN PERDANA MENTERI VIETNAM ENCIK PHAM VAN DONG DALAM MASA LAWATANNYA KE SINI BAHARU—BAHARU INI, BELIAU BERKATA IA TELAH DIKEMUKAKAN.

BAGAIMANAPUN PEMIMPIN VIETNAM ITU TELAH MENYATAKAN ORANG—ORANG TERSEBUT BOLEH PERGI KEMANA SAHAJA YANG MEREKA SUKA DAN TAMBAHAN PULA MEREKA BUKAN SEBENARNYA ORANG VIETNAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TIDAK ADA APA YANG BOLEH DIBUAT OLEH MALAYSIA KERANA IA TIDAK MAHU MENCAMPURI URUSAN DALAM NEGERI—NEGARA LAIN.

BELIAU JUGA MENERANGKAN RUNDINGAN SEDANG DIJALANKAN DENGAN PRANCHIS, CANADA DAN NEGARA—NEGARA LAIN MENGENAI ORANG—ORANG VIETNAM DI KAPAL HAI HONG.

SEBENARNYA CANADA DAN PRANCHIS TELAHPUN MEMILIH ORANG YANG MEREKA SANGGUP TERIMA, KATANYA.

MENJAWAB SATU PERTANYAAN MENGENAI HUBUNGAN SINO—SOVIET, BELIAU BERKATA MALAYSIA SEDANG MEMERHATIKAN KEADAAN TERSEBUT DENGAN TELITI.

— BERNAMA 1816/YF